

25 APR 2002

Agong-Titah (Bergambar)

AGONG GEMBIRA PEMERINTAHAN KERAJAAN YANG ADA CEKAP

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bertitah baginda gembira dengan pemerintahan kerajaan sekarang yang begitu cekap, berwibawa dan bertanggungjawab sehingga pelbagai perancangan pembangunan yang disusun untuk faedah rakyat berjaya dilaksanakan dengan berkesan.

Seri Paduka Baginda bertitah, keadaan sedemikian telah memberikan kesan positif kepada kehidupan rakyat jelata.

"Sistem kerajaan yang berasaskan demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara kita telah terbukti memberikan kebebasan kepada rakyat untuk menentukan haluan politik negara, kebebasan beragama, kebebasan berbudaya, kebebasan berbahasa, kebebasan mencari kekayaan dan pendidikan dan seterusnya," titah baginda.

Seri Paduka bertitah demikian pada istiadat pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12, di Istana Negara di sini.

Baginda bertitah kebebasan yang termaktub dalam Perlembagaan negara itu telah menyumbang kepada kejayaan Malaysia sebagai negara paling demokratik.

Oleh itu, rakyat harus sedar dan bersyukur kerana keistimewaan yang ada di negara ini telah menjamin kestabilan, kemakmuran dan kemajuan negara selama ini dan untuk masa depan, titah baginda.

Baginda juga bersyukur ekonomi negara kian pulih setelah mengalami kelembapan pada tahun lepas akibat kemerosotan ekonomi dunia.

"Salah satu sebab mengapa kita berjaya memulihkan ekonomi negara ialah kerana ciri rakyat berbilang kaum kita yang sentiasa mempunyaai azam yang kuat untuk berusaha sehingga berjaya," titah baginda.

Rakyat negara ini, menurut baginda, juga mempunyai semangat sedia menghormati satu sama lain.

"Sifat toleransi ini telah membawa kejayaan kepada kita dalam banyak bidang termasuk politik, sosial dan ekonomi. Sifat positif yang ditunjuk dan diamalkan oleh rakyat akan membolehkan negara kita terus membangun dengan lebih pesat lagi," titah baginda.

Baginda juga yakin bahawa dengan keazaman semua pihak untuk bersama-sama menjaga tatasusila negara yang beretika dan bermaruah tinggi, Malaysia akan menjadi negara maju menjelang 2020.

Malaysia juga akan disegani dan dihormati di seluruh dunia bukan sahaja sebagai sebuah negara yang maju tetapi juga sebagai sebuah negara yang berbilang kaum yang berjaya hidup harmoni, bersatu padu dan berpegang kepada prinsip-prinsip moral yang tinggi, titah baginda.

Seri Paduka Baginda juga berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melafazkan ikrar taat setia kepada baginda bagi pihak kerajaan, pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan rakyat.

-- BERNAMA

NM AZH MAI